



TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK PENYURAIAN TRAFIK DI ANTARA PLAZA
TOL JURU DAN PLAZA TOL SUNGAI DUA,
PULAU PINANG, DI LEBUHRAYA UTARA – SELATAN
(PLUS) DAN KAWASAN SEKITAR (PTJSD)**

OLEH

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

**8 NOVEMBER 2025|SABTU|8.00 PAGI
TAPAK EKSPLO
SEBERANG JAYA
PULAU PINANG**

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

PROTOKOL & PENGHARGAAN

1. Pada pagi yang penuh bermakna ini, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama kita, sekali gus menyempurnakan perasmian Majlis Pecah Tanah bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang, di Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) dan Kawasan Sekitar (PTJSD)
2. Saya juga difahamkan bahawa pada hari ini sahaja, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai enam (6) program bersama rakyat di Pulau Pinang. Inilah yang kita sebut sebagai komitmen menyeluruh dan kepimpinan berjiwa rakyat, meskipun dalam kesibukan jadual yang padat. Ia melambangkan keprihatinan mendalam Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat serta kemajuan infrastruktur negeri ini.

3. Saya turut mengalu-alukan kehadiran semua tetamu kehormat, rakan-rakan kementerian, agensi teknikal, pihak konsesi lebuhraya, komuniti perniagaan dan masyarakat setempat.

PENGENALAN PROJEK & RASIONAL

Hadirin Sekalian,

4. Kita semua tahu, kesesakan trafik antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua bukan lagi isu baharu. Ia sudah lama berlaku, setiap pagi dan petang, ribuan kenderaan terperangkap, masa terbuang di atas jalan. Kesan daripada itu, bukan sahaja perjalanan tergendala, malah masa berharga bersama keluarga turut terjejas, produktiviti kerja menurun dan akhirnya kualiti hidup rakyat turut terkesan.
5. Berdasarkan kajian Kementerian Kerja Raya, ada lima sebab utama kenapa keadaan ini berlaku. Sebab utama itu adalah:
 - I. Pertama — limpahan trafik dari Juru ke Jambatan Pulau Pinang disebabkan konflik penggabungan di Persimpangan Bertingkat Perai.

- II. Kedua — pertembungan trafik dari Jambatan Pulau Pinang menuju ke Juru, yang menambah kesesakan di Seberang Jaya.
 - III. Ketiga — trafik tempatan di Seberang Jaya bercampur dengan trafik ke utara Semenanjung, menyebabkan laluan menjadi sesak.
 - IV. Keempat — limpahan kenderaan di kawasan Juru Autocity.
 - V. Dan kelima — kesesakan di bulatan Persimpangan Timur-Barat ke arah Lebuhraya Butterworth–Kulim.
6. Semua faktor ini, bila digabungkan, menjadikan jajaran ini antara kawasan paling sibuk dan mencabar di utara tanah air.

INISIATIF KERAJAAN MADANI

Hadirin yang saya hormati,

7. Atas dasar inilah, Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya mengambil langkah berani dan strategik untuk melaksanakan Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua (PTJSD) ini. Projek ini panjangnya 17.3 kilometer, merentasi tiga daerah utama iaitu Seberang Perai Selatan, Tengah dan Utara.

8. Ia adalah inisiatif penting Kerajaan Perpaduan MADANI, sebagai usaha menyeluruh untuk mengurangkan kesesakan, mempertingkatkan kecekapan laluan, dan paling utama ialah untuk memudahkan kehidupan rakyat.
9. Pelaksanaan projek ini telah diamanahkan kepada PLUS Malaysia Berhad sebagai pelaksana utama di mana Kementerian Kerja Raya dan PLUS akan menggunakan kaedah Build-Operate-Transfer (Bina-Kendali-Pindah). Kaedah ini bukan sahaja mempercepatkan pelaksanaan, malah membantu mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.
10. Kita berkongsi tanggungjawab antara sektor awam dan swasta demi membangunkan infrastruktur negara secara mampan dan berdaya saing.

SKOP DAN MANFAAT PROJEK

11. Dari segi teknikal pula, projek ini mengandungi komponen pembinaan utama seperti berikut iaitu :

- i. Pembinaan laluan terus dari Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua.
- ii. Menaik taraf Persimpangan Juru Utara (Auto City) dengan menyediakan pusingan-U bertingkat.
- iii. Membina jalan susur baharu dari Perai ke Juru.
- iv. Menaik taraf Persimpangan Timur-Barat untuk mengurangkan masa menunggu lampu isyarat.
- v. Membina jalan susur bertingkat baharu di Jalan Tun Hussein Onn.

12. Keseluruhan projek ini dianggarkan berjumlah RM3 bilion dengan pembiayaan secara hibrid iaitu 60% daripada kerajaan melalui perbelanjaan pembangunan dan 40% daripada syarikat. Tempoh pembinaannya ialah selama 48 bulan dan kita menyasarkan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2030.

13. Pelaksanaan projek ini dijangka akan mengurangkan kesesakan trafik dengan 30% daripada pengguna akan beralih ke laluan terus Juru-Sungai Dua yang disediakan. Sebagai tambahan, masa perjalanan akan dapat dipendekkan daripada satu jam kepada 20 minit semasa waktu puncak.
14. Bukan itu sahaja, ia juga akan meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan serta penjimatan masa perjalanan penggunaan setiap hari.
15. Kementerian Kerja Raya memberi jaminan bahawa Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan) yang teliti akan dilaksanakan sepanjang pembinaan supaya gangguan kepada pengguna dapat diminimumkan.

Hadirin sekalian,

16. Kementerian Kerja Raya dan PLUS Malaysia Berhad akan memastikan projek ini disiapkan mengikut jadual bagi mengekang sebarang ketirisan dan pembaziran sumber. Di sinilah peranan profesion teknikal kita amat penting di mana kita perlu mengaplikasi teknologi moden dalam pengurusan projek yang berkesan setanding dengan piawaian antarabangsa.

PENUTUP

17. Akhir kata sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seluruh kakitangan Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, PLUS Malaysia Berhad serta semua pihak yang telah sama-sama berusaha menjayakan projek penting ini.
18. Marilah kita terus berganding bahu, memastikan projek ini berjalan lancar, siap mengikut jadual dan memberi manfaat besar kepada rakyat. Kerana hakikatnya projek ini bukan sekadar membina jalan tetapi membina harapan dan masa depan.

*“ Tanjung Tokong tempat bersemuka,
Nampak feri laju di muara,
Juru ke Dua, janji dibuka
Lalu lintas lancar, rakyat gembira.”*

Sekian, terima kasih.